

**PEMILIHAN BUKU BACAAN BAHASA MELAYU
YANG SESUAI UNTUK KANAK-KANAK
DI MALAYSIA
(CHOOSING APPROPRIATE BAHASA MELAYU
BOOKS FOR MALAYSIAN CHILDREN)**

Zainah Mohamed Isa
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Artikel ini mengupas tentang peranan teori perkembangan teori perkembangan kognitif dan linguistik, oleh Piaget serta teori sosio-emosi, oleh Erickson sebagai asas dalam menentukan ciri-ciri buku kanak-kanak pada peringkat usia tertentu. Ianya menerangkan ciri-ciri buku yang sesuai bagi peringkat usia dua ke empat tahun dan lima ke tujuh tahun. Antara ciri-ciri yang dikupas ialah jenis-jenis buku, bentuk ayat yang sesuai, ilustrasi, serta bentuk cerita yang dapat menarik minat kanak-kanak pada usia tertentu. Oleh itu wajarlah bagi guru-guru dan ibu bapa mengetahui ciri-ciri tersebut agar dapat menyediakan buku-buku yang sesuai bagi bacaan kanak-kanak pada usia tertentu.

Kata Kunci Buku cerita kanak-kanak, sastera kanak-kanak.

Abstract

This article discussed theories of children development; such as cognitive and linguistic theory by Piaget and social emotional theory by Erickson. These theories were foundations in developing criteria of suitable storybooks for certain age; two of four, five to seven years old. The criteria discussed were types of books, types of sentences, illustrations, and types of stories that captures children's interest. Therefore, teachers and parents should be aware of the criteria as a guide in choosing the suitable books for their children.

Keywords *Children's storybook, children's literature.*

PENGENALAN

Apabila kita bertanyakan kepada kanak-kanak prasekolah di Malaysia mengenai buku apa yang mereka suka baca, belum tentu akan mendapat satu jawapan yang sama daripada mereka. Dalam satu tinjauan rintis oleh Isahak Haron dan Zainiah Mohamed Isa (2005) terhadap seratus orang kanak-kanak prasekolah dari seluruh Malaysia untuk mengetahui buku apa yang mereka sukai, pengkaji Cuma mendapati hanya satu buku sahaja yang mendapati bilangan kekerapan sebanyak tujuh kali iaitu buku 'Perlumbaan Arnab dengan Kura-Kura'. Keadaan ini berlainan jika kita bandingkan dengan keadaan kanak-kanak di luar negara, jika kita bertanya kepada mereka, jawapan yang diterima adalah seperti *'Rosie's Walk'* and *Where is My Duckling dan Brown Bear, Brown Bear, What Do You See* adalah pilihan bagi peringkat usia tiga ke empat tahun. Terdapat juga berbagai-bagai tajuk buku cerita yang menjadi pilihan bagi peringkat usia yang berlainan.

Buku-buku cerita ini bukan sahaja diminati oleh kanak-kanak masa kini tetapi juga oleh ibu bapa mereka pada zaman kanak-kanak mereka dahulu. Ini kerana kebanyakan buku-buku ini telah dihasilkan semenjak daripada tahun 60an lagi tetapi buku-buku ini masih mendapat sambutan sehingga kini disebabkan nilai dan mutunya yang mendapat tempat dihati pembaca. Malahan di negara luar memang telah ada senarai-senarai buku yang disyorkan bagi setiap peringkat umur kanak-kanak dan terbukti buku-buku tersebut bukan sahaja bermutu malah juga mendapat sambutan hangat daripada kanak-kanak. Oleh itu adalah perlu bagi kita mengetahui apakah ciri-ciri yang ada pada bahan bacaan ini sehingga ianya begitu diminati sejak zaman berzaman lagi. Setelah mengetahui ciri-ciri bagi buku-buku yang terpilih itu kita terapkan pula kepada bahan-bahan bacaan kanak-kanak yang terdapat di negara kita bagi memilih buku-buku yang sesuai untuk beberapa peringkat umur kanak-kanak. Ini kerana di Malaysia kita masih belum lagi mempunyai senarai buku yang boleh disyorkan untuk pembacaan bagi pelbagai peringkat umur, serta bagi peringkat prasekolah khususnya. Bagi menjamin bahan-bahan bacaan yang dipilih menarik perhatian kanak-kanak dan boleh dijadikan bahan sumber bahan bacaan yang bermutu, guru-guru dan ibu bapa memerlukan panduan mengenai buku yang sesuai untuk disediakan kepada kanak-kanak. Diharapkan artikel ini dapat memberikan panduan kepada guru-guru dan ibu bapa mengenai pemilihan buku kanak-kanak terutamanya di peringkat prasekolah.

DEFINISI BUKU KANAK-KANAK

Sebelum menyentuh tentanah peringkat umur dan buku-buku yang sesuai, terlebih dahulu perlu dilihat apakah yang dimaksudkan dengan buku kanak-kanak. Dalam konteks penulisan ini, buku kanak-kanak bermaksud buku-buku yang ditulis bagi tujuan pembacaan kanak-kanak ataupun buku yang menjadi bacaan kanak-kanak, tidak kira apa jua bentuk penulisannya samada ianya buku cerita (berbentuk fiksyen) dan bukan fiksyen (berbentuk maklumat), atau pun buku yang menggunakan bahasa berirama seperti sajak dan pantun serta komik. Molina S. Nijhar (1979; Otham Puteh dan Abdul Ahmad, 1979) menyatakan sastera kanak-kanak merangkumi semua jenis penulisan berbentuk kreatif dan imaginative yang dikhususkan untuk dibaca, dihibur dan dinilai oleh kanak-kanak. Secara amnya, ia meliputi keseluruhan buku yang bermutu dan berfaedah ditulis untuk bacaan kanak-kanak. Ia juga merangkumi bidang fiksyen dan bukan fiksyen. Define ini seiring dengan definisi yang dinyatakan oleh Lynch-Brown dan Tomlinson (1999) iaitu, *'Children's literature is good quality trade books for children from birth to adolescence, covering topics of relevance and interest to children those ages, thorough prose and poetry, fiction and non-fiction'*.

Oleh itu dapat disimpulkan buku-buku yang tergolong dalam sastera kanak-kanak adalah juga termasuk ke dalam kategori buku kanak-kanak ini yang meliputi kesemua jenis buku kanak-kanak yang ditulis dan ditujukan untuk kegunaan kanak-kanak.

PERINGKAT USIA, TAHAP PERKEMBANGAN DAN PEMILIHAN BUKU

Molina S. Nijhar (1979; Othman Puteh dan Abdul Ahmad, 1979) menegaskan bahawa buku-buku yang bermutu ditulis dengan persembahan yang menarik, fakta-fakta yang tepat dan sesuai, bahasa yang mudah dan dalam lingkungan pemahaman peringkat umur kanak-kanak yang ditujukan. Bagi menentukan buku apa yang akan mendapat sambutan kanak-kanak pada peringkat usia tertentu penggunaan beberapa teori diperlukan untuk mengetahui apakah ciri-ciri perkembangan kanak-kanak yang berlaku pada peringkat usia tersebut. Ini juga disarankan oleh Tucker (1998), yang menyatakan bahawa beliau percaya pengetahuan mengenai perkembangan kanak-kanak sudah mencukupi buat masa kini bagi membolehkan suatu generalisasi dibuat mengenai apa yang dirasakan dan yang difikirkan oleh kanak-kanak pada peringkat usia tertentu dan setakat mana pemeringkatan ini dapat mempengaruhi pemilihan buku kegemaran mereka. Diharapkan dengan mengfokuskan kepada ciri-ciri yang terdapat pada tahap perkembangan kanak-kanak, memudahkan guru dan ibu bapa memilih buku-buku yang bersesuaian dengan sifat dan kehendak kanak-kanak pada usia tersebut.

Di antara beberapa teori yang menjadi rujukan di dalam penulisan ini ialah teori perkembangan kognitif dan linguistik oleh Piaget dan teori sosio-emosi oleh Erickson kerana teori-teori ini telah menjadi asas dalam pendidikan awal kanak-kanak sejak dari dahulu lagi. Walaupun teori ini memberi garis panduan berdasarkan peringkat umur, ianya bukanlah sesuatu yang diikuti dengan sepenuhnya, akan tetapi cukup sebagai panduan terhadap peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui oleh kanak-kanak.

PERINGKAT USIA DUA KE EMPAT TAHUN

Menurut Wardle (2003), peringkat praoperasi oleh Piaget bermaksud kanak-kanak belum lagi faham konsep konservasi, akan tetapi kanak-kanak telah berfikir secara simbolik. Mereka sudah boleh menyatakan tentang objek, idea, perasaan dan pengalaman dengan perkataan, bilangan dengan nombor. Menurut Lynch-Brown dan Tomlinson (1999) buku-buku yang menerapkan sesuatu konsep, amat sesuai bagi peringkat awalan ini bagi kanak-kanak tujuan untuk mereka mengenali dunia sekelilingnya. Ini termasuklah buku mengenai nombor dan pengiraan, buku ABC, persamaan dan perbezaan, kamus bergambar dan lain-lain lagi. Selain daripada itu buku-buku yang melibatkan penyebutan nama sesuatu objek, dan aksi bagi sesuatu gambar akan dapat menggalakkan perkembangan bahasa kanak-kanak yang sedang berkembang pesat pada ketika itu. Sesuai dengan kenyataan Salleh Daud dan Izzah Abd. Aziz (1979; Othman Puteh dan Abdul Ahmad, 1979) iaitu, kita dapati betapa seronoknya kanak-kanak belajar bercakap. Dia suka mendengar bunyi perkataan-perkataan, dia mengulang-ulangnya dan dengan ini dia mahukan sesebuah cerita itu didengarkan berulang-ulang kali. Selain daripada itu kanak-kanak bersifat ingin tahu (*curious*) tentang dunianya. Dunianya ini terhad kepada rumah dan jiran terdekatnya; tetapi dalam lingkungan dunia inilah tersimpan banyak kekayaan yang dapat dicari dan diterokainya. Oleh itu perkataan-perkataan dalam buku untuk kanak-kanak usia ini perlulah menjurus kepada perkataan-perkataan yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kehidupan seharian dan juga mengenai diri dan dunia kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak pada peringkat praoperasi ini telah mula memahami gambar sebagai cerita. Mereka akan mengambil masa untuk memahami konsep symbol dan hubungannya dengan tulisan bagi memahami yang sebenarnya tulisanlah yang menceritakan tentang gambar tersebut (Wells dan Hart-Hewins, 1990). Oleh itu jenis buku yang sesuai untuk mereka ialah buku bergambar atau cerita bergambar (Salleh Daud dan Izzah Abd. Aziz, 1979; Othman Puteh dan Abdul Ahmad, 1979). Jelaslah gambar merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam pembikinan buku kanak-kanak ini. Gambar untuk peringkat usia ini perlulah terang dan jelas supaya dapat menarik minat kanak-kanak terhadap buku tersebut.

Menurut Wardle (2003) juga, kanak-kanak di peringkat praoperasi ini mempunyai sikap yang egosentrik. Oleh itu didapati perkataan pertama kanak-kanak adalah juga bersifat egosentrik yang hanya berkisar kepada dirinya dan tentang apa yang mereka lakukan. Bahasa awal mereka serta keseluruhan perkembangan awal mereka berkaitan dengan tindakan atau perlakuan, objek dan peristiwa yang mereka alami. Oleh itu pada peringkat ini kanak-kanak akan menyukai buku-buku yang berkisar dengan kehidupan sebenarnya. Oleh itu kanak-kanak akan menyukai buku mempunyai watak seperti dirinya sendiri yang mempunyai watak ibu, ayah, adik dan bang. Mereka akan menunding kepada gambar watak tersebut dan menyebut, “Ini ibu dia, ini ayah dia, ibu masak, ayah makan...” dan lain-lain individu dan objek yang mereka ketahu dalam gambar. Sewajarnya tema bagi buku kanak-kanak pada usia ini adalah mengenai diri dan peristiwa, dan dunia persekitarannya seperti ‘Hari Jadi Saya’, ‘Di rumah Nenek’, ‘Adik Saya’ daripada Siri Anak Lebah terbitan Penerbitan Pelangi.

Menurut Piaget dalam Wardle (2003), kanak-kanak mempelajari tentang dunia persekitarannya melalui tindakan atau pengalaman sensori mereka dengan persekitaran. Dia akan sentiasa ingin memegang, merasa atau melakukan sesuatu (Salleh Daud dan Izzah Abdul Azizi, 1979; Othman Puteh dan Abdul Ahmad, 1979). Penggunaan bahan yang timbul yang berbentuk ‘*tactile*’ juga dapat menarik perhatian kanak-kanak terhadap buku. Begitu juga buku yang berunsurkan main sorok-sorok di mana jawapan disorokkan dibawah kertas, atau di mukasurat lain, ataupun yang berbentuk boleh timbul (pop-up) sesuai digunakan bagi menarik perhatian kanak-kanak pada usia ini. Di antara buku yang menggunakan teknik menyorokkan sesuatu ini ialah ‘Apa yang Boleh Saya Lihat?’ daripada Siri Bacaan Bawal.

Dari segi perkembangan literasi menurut Wardle (2003), kanak-kanak berusia tiga tahun ini telah boleh mendengar cerita dan membuat komen semasa bercerita serta suka melihat buku dan “membaca” buku. Kanak-kanak pada usia ini sudah boleh memilih buku kesukaan mereka sendiri. Mereka akan suka membaca buku yang sama berulang-ulang kali. Mereka juga sukakan buku bergambar gambar yang besar, jelas dan realistik. Menurut Lynch-Brown dan Tomlinson (1999) topik yang berkaitan dengan rutin seharian dan objek yang biasa dengan kanak-kanak adalah bahan yang baik untuk digandingkan dengan buku bergambar. Buku tersebut juga hendaklah menggunakan plot yang mudah, ilustrasi yang menarik, watak atau situasi yang melucukan kepada kanak-kanak. Di Malaysia pula buku Kasut Belalang Hilang (1997) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka digemari oleh kanak-kanak kerana berunsurkan kelucuan dan berbentuk eksplorasi. Selain daripada itu, buku-buku dalam Siri Pembacaan Awal terbitan Pelangi juga sesuai bagi tahap usia ini kerana menceritakan kehidupan seharian kanak-kanak yang berusia tiga ke enam tahun. Antara tajuk-tajuk dalam siri tersebut ialah ‘Hari Jadi Saya’, ‘Bermain di Taman’, ‘Apa Saya Hendak Buat?’, dan ‘Warna di Sekeliling Kita’.

Selain daripada itu buku-buku yang mempunyai bahasa berirama juga dapat menarik minat membaca kanak-kanak. Menurut Lynch-Brown dan Tomlinson (1999) kanak-kanak yang berusia dua hingga ke empat tahun amat gemarkan bahasa berirama dan perkataan yang berulang-ulang. Menurut Wlss dan Hart-Hewin (1990), dengan bahasa yang berirama dan corak urutan linguistiknya yang boleh diramalkan, buku jenis ini akan dapat membantu kanak-kanak “membaca”. Beliau telah memberikan contoh buku ‘Brown Bear, Brown Bear, What Do You See?’ oleh Bill Martin Junior dan Eric Carle sebagai contoh yang paling baik. Selain daripada itu, oleh kerana daya penumpuan kanak-kanak ini pendek, mereka akan menyukai cerita-cerita yang pendek dan mudah. Dalam cerita ‘Bersenam’ oleh Nooraihan Dato’ Salleh dari Siri Bawal, banyak menggunakan bahasa berirama yang boleh menarik minat kanak-kanak untuk mendengar cerita, dan juga yang memudahkan mereka untuk mengingat ayat-ayat di dalam buku cerita tersebut.

Seterusnya menurut Russel (1997), kanak-kanak pada peringkat usia ini meletakkan ciri-ciri manusia kepada apa-apa yang bergerak seperti mesin dan bintang. Oleh itu watak binatang ataupun mesin yang berperwatakan seperti manusia yang boleh berkata-kata, makan, tidur dan sebagainya akan disukai oleh kanak-kanak. Di Malaysia terdapat banyak buku cerita yang menggunakan watak binatang di dalam cerita-cerita mereka. Di antaranya ialah ‘Ibu Arnab Jatih Sakit’ dan ‘Anak Kucing yang Kotor’ daripada Siri Bintang Ria yang sesuai digunakan bagi peringkat usia dua ke empat tahun ini.

Salleh Daud dan Izzah Aziz (1979; Othman Puteh dan Abdul Ahmad, 1979) menekankan bahawa tumpuan perhatian kanak-kanak di peringkat ini tidak lama. Dari itu cerita mestilah pendek, penuh dengan aksi yang membawa kepada penutup yang memuaskan hati. Dengan itu didapati juga buku kanak-kanak di peringkat usia ini seharusnya mementingkan pergerakan watak dan tidak statik kerana ini akan menjemukan kanak-kanak.

KANAK-KANAK PERINGKAT USIA LIMA KE TUJUH TAHUN

Menurut Russel (1997), peringkat kedua iaitu peringkat umur empat ke tujuh tahun adalah peringkat praoperasi Piaget. Kanak-kanak pada usia ini menggunakan intuition atau perasaan mereka dalam membantu mereka mula memahami dunia persekitaran mereka. Perkembangan bahasa mereka mula meningkat dan mereka telah mula menyedari tentang apa yang berlaku di persekitaran mereka, serta sikap egosentrik mereka telah berkurangan. Walaupun kanak-kanak ini masih menyukai fantasi, keadaan realiti sebenar mula memberi makna kepada mereka dan mereka mula ingin tahu tentang orang lain dan menjalinkan hubungan antara satu sama lain. Kanak-kanak pada usia ini telah mula berdikari seperti telah mula bersekolah.

Mereka mula berhubung dengan individu-individu lain yang selain daripada ahli keluarga mereka, serta sudah baru mula berkawan. Oleh itu cerita-cerita yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang mereka alami bersama-sama individu-individu ini amat bermakna kepada mereka dan akan dapat menarik minat mereka untuk membaca buku yang mempunyai kisah sepertinya. Salleh Daud dan Izzah Aziz (1979; Othman Puteh dan Abdul Ahmad, 1979) menyatakan bahawa kanak-kanak juga suka membaca dan mendengar tentang kanak-kanak lain. Di antara buku yang sebegini ialah 'Lili Lupa', 'Maafkan Lili', dan lain-lain buku dalam Siri Bacaan Genius oleh Fajar Bakti memaparkan banyak peristiwa-peristiwa yang dialami oleh Luqman seorang kanak-kanak prasekolah yang mula bersosialisasi dengan orang-orang di sekelilingnya.

Menurut Lynch-Brown dan Tomlinson (1999), buku bergambar masih lagi diminati oleh kanak-kanak yang berusia empat ke tujuh tahun. Adalh menjadi kebiasaan bagi kanak-kanak pada usia ini memilih buku bergambar sebagai buku kegemarannya, menghafal teks setelah mendengar berulang-ulang kali dan berhibur dengan buku tersebut dengan "membacanya" secara bersendirian. Menurut Tucker (1988), dalam buku bergambar, panjang cerita sepatutnya tidak melebihi 2000 patah perkataan bagi tujuan memelihara daya penumpuan kanak-kanak terhadap cerita tersebut. Antara ciri-ciri buku bergambar yang baik menurut beliau ialah gambar yang terdapat didalam cerita mampu memberikan maklumat tentang teks yang dibaca.

Menurut Cullinan (1993), kanak-kanak pada usia lima ke enam tahun mengemari cerita yang mempunyai kuasa ajaib. Mereka kadang-kadang terkeliru di antara dunia sebenar dengan dunia olok-olok (make-believe) dalam cerita. Mereka percaya cerita-putera dan puteri raja (cerita penglipulara) benar-benar berlaku pada suatu ketika dahulu. Watak-watak seperti Cinderella, Bawang Puteh dan Bawang Merah dan lain-lain watak dipercayai benar-benar wujud pada zaman dahulu. Menurut Pheng (1998), sastera rakyat yang terdiri daripada cerita mitos, cerita penglipulara dan lagenda digemari oleh kanak-kanak kerana tema dan jalan ceritanya dapat memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak. Ini kerana cerita-cerita ini berakhir dengan kegembiraan dan ini memberikan rasa selamat kepada mereka. Dalam cerita-cerita ini juga unsur-unsur baik dan jahat digambarkan dengan cara yang jelas menggunakan watak yang rupanya samada cantic ataupun buruk. Cerita ini juga akan memberikan balasan yang setimpal terhadap perbuatan yang baik mahupun jahat, yang akan memberikan pengajaran secara halus kepada kanak-kanak. Di antara buku-buku yang digemari oleh kanak-kanak pada peringkat usia ini ialah Kancil Menipu Buaya (2000), yang dicetak oleh Rhytm Publishing Co., Api! Api! (1994) daripada Siri Rakan Rimba terbitan Pelangi. Terdapat juga cerita dongeng klasik yang masih lagi mendapat tempat dihati kanak-kanak kini seperti 'Anak Itik yang Hodoh' dan 'Alladdin dan Lampu Ajaib' terbitan Mines Publication dan Distributions.

Pada tahap usia lima ke tujuh tahun ini juga kanak-kanak memiliki perasaan ingin tahu yang amat tinggi. Mereka ingin tahu bagaimana sesuatu terjadi lalu menggunakan buku untuk mencari jawapan. Oleh itu buku-buku yang boleh memberi maklumat seperti buku 'Cantiknya Rama-rama' dan 'Anak Cicak Hilang Ekor' daripada Siri Helo Haiwan terbitan Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd., yang memberi maklumat mengenai haiwan dengan menggunakan ayat-ayat yang mudah difahami oleh kanak-kanak. Selain daripada itu, kanak-kanak juga menyukai buku mengenai bagaimana sesuatu terjadi, seperti Siri Asal Usul Binatang terbitan Kualiti Book Sdn. Bhd telah menghimpunkan kisah asal usul seperti 'Tempua Bersarang Rendah, Ular Tidak Berkaki dan Gajah Bermata Kecil'.

Menurut Erickson, dalam Russel (1997), kanak-kanak pada usia tiga ke enam tahun ini berada di peringkat inisiatif lawan rasa bersalah. Mereka mulai sedar terhadap tanggungjawab mereka dan hubungan mereka dengan yang lain. Mereka berinisiatif untuk meneroka persekitarannya tetapi lebih suka melakukannya sendiri dan dengan caranya sendiri akan tetapi mereka akan rasa bersalah jika mereka melakukan kesilapan. Oleh itu buku-buku yang menunjukkan kanak-kanak yang seperti mereka melakukan kesalahan dan berusaha membetulkan kesilapan tersebut akan dapat memberi pengajaran kepada kanak-kanak ini. Mesej cerita seperti ini ialah adalah perkara biasa untuk kita belajar dari kesilapan masing-masing. Buku-buku daripada Siri Moral Kanak-kanak terbitan Utusan Malaysia Berhad membawa mesej patuh kepada nasihat, tolong menolong, mematuhi ibu bapa dan sedia menerima kesalahan seperti dalam cerita 'Maafkan Saya Kakak' dan 'Mari Berdamai'.

KANAK-KANAK BERUSIA TUJUH KE SEMBILAN TAHUN

Pada peringkat ini kanak-kanak telah boleh membuat eksplorasi secara berdikari dan memahami konsep abstrak dengan lebih baik dan setiap kanak-kanak berbeza dari segi kebolehan, pencapaian dan miant. Menurut Ussels (1997), pada peringkat ini kanak-kanak berada di peringkat operasi konkrit dalam teori perkembangan kognitif Piaget. Pada peringkat ini kanak-kanak telah boleh membuat perkaitan secara logic dan telah boleh menyelesaikan masalah, kanak-kanak pada usia ini telah boleh membaca buku yang mengandungi beberapa bab mudah kerana jika mereka berhenti seketika, mereka mampu menyambung balik cerita tersebut pada masa yang lain.

Kanak-kanak ini telah boleh bekerja secara berkumpulan dan boleh menyelesaikan masalah serta menggunakan teknologi baru. Mereka mula bergaul dan memahami kanak-kanak lain dari latar belakang yang berlainan. Mereka telah mula menggunakan kemahiran sosial seperti berkongsi, bergilir, bekerjasama dan bertolak ansur.

Menurut Russel (1997), juga kanak-kanak pada usia ini berada di dalam peringkat industry lawan rasa rendah diri, menurut teori psikososial oleh Erickson. Oleh itu mereka berazam untuk menunjukkan kejayaan mereka di dalam sesuatu bidang dan juga gemar menunjukkan kreativiti mereka. Dengan itu buku yang boleh menunjuk cara membuat sesuatu seperti buku bagaimana melukis sesuatu, membuat origami, dan lain-lain projek kecil akan mendapat sambutan kanak-kanak. Buku mengenai aktiviti sukan dan projek yang boleh dilakukan secara berkumpulan juga boleh menarik minat kanak-kanak ini.

Kanak-kanak pada usia ini telah memahami cerita-cerita yang kompleks dan berasaskan realiti kehidupan. Mereka melihat dunia sebagai samada baik atau jahat, adil atau tidak adil. Menurut Tucker (1997), bagi kanak-kanak yang masih muda bentuk pengadilan yang jelas akan mudah difahami iaitu mereka akan memuji watak baik ataupun menguutk sesuatu watak jahat. Pengabungan sifat baik dan jahat dalam sesuatu watak dan kenapa ianya boleh berlaku terlalu kompleks untuk mereka fahami. Mereka mula menyukai cerita yang berlaku dalam kehidupan sebenarnya dan buku-buku bersiri yang menggambarkan sekumpulan kanak-kanak sebagai pemegang watak yang menempuh pelbagai dugaan bersama akan dapat menarik minat mereka. Buku-buku seperti ini juga dapat memenuhi imaginasi kanak-kanak di tahap usia ini yang suka melakukan sesuatu bersama-sama dengan rakan mereka. Selain daripada itu buku-buku yang memberikan mereka maklumat-maklumat telah boleh diperkenalkan kepada mereka seperti buku 'Nabi Ayub a.s' dan 'Keikhlasan dalam Beribadat' (2005), 'Amir Molar dan Keluarga' (2004), 'Manusia di Mana-mana' (1996), dan 'Ikan Air Tawar' (2002). Ini kerana pada usia ini mereka telah mula mempunyai sesuatu minat dan boleh meneroka bagi mencari sesuatu maklumat yang mereka gemari.

KESIMPULAN

Sudah tiba masanya bagi kita memikirkan keperluan mengenai buku yang sesuai bagi setiap peringkat usia. Ini kerana melalui penulisan di atas, terbukti setiap peringkat usia memerlukan ciri-ciri buku yang tersendiri. Ini kerana kanak-kanak akan melalui tahap-tahap perkembangan yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza bagi setiap peringkat berasaskan teori perkembangan kognitif dan linguistik yang dikemukakan oleh Piaget dan juga teori sosio-emosi yang dikemukakan oleh Erickson. Pemilihan buku yang sepadan dengan ciri-ciri yang dikemukakan oleh teori-teori tersebut akan dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca. Diharapkan guru-guru ataupun ibu bapa mengetahui ciri-ciri pemilihan buku bagi usia tertentu ini bagi memastikan buku yang dipilih benar-benar sesuai untuk dibaca oleh kanak-kanak pada peringkat usia tersebut.

Pemilihan buku yang sesuai bagi peringkat umur yang tertentu adalah amat penting bagi kanak-kanak kerana pada peringkat awal bacaan, minat dan penghayatan kanak-kanak terhadap sesuatu buku akan memotivasikannya untuk mencari strategi bagi mendekod bacaan kerana dia ingin membaca sendiri buku yang disukainya. Dengan menyediakan buku yang sesuai, akan dapat memotivasikan kanak-kanak untuk suka membaca. Jika ini dapat kita lakukan sudah tentu misi kerajaan yang ingin mewujudkan masyarakat yang membaca akan dapat disemai sejak kanak-kanak masih kecil lagi.

RUJUKAN

- Cullinan, B. E. (1993). *Let's Read About: Finding Books They'll Love to Read*. New York: Scholastic Inc.
- Isahak Haron & Zainiah Mohamed Isa (2006). "Kajian Tinjauan Buku Bacaan Kanak-kanak Prasekolah di Malaysia". Kod Penyelidikan: 03-12-50-04. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lee Tzu Pheng (1988). *Growing Readers: The Parent's Guide to Early Reading*. Singapore: Times Publication.
- Lynch-Brown & Tomlinson, C. M. (1999). *Essentials of Children's Literature*. New York: Allyn & Bacon.
- Russell, D. L. (1997). *Literature for Children: A Short Introduction*. New York, Longman.
- Tucker, N. (1988). *The Child and the book: A psychological and literary exploration*. New York, Cambridge University Press.
- Wardle, F. (2003). *Introduction to Early Childhood Education: A Multidimensional Approach to Child-centered Care and Learning*. New York: Allyn and Bacon.
- Well, J. & Hart-Hewin, L. (1990). *Real Books for Reading: Learning to Read with Children's Literature*. New York: Heinemann Educational Books Inc.

Senarai Buku Kanak-kanak

- Perlumbaan*. (2002) Kisah Si Kura-kura. Kuala Lumpur. Penerbitan Hasrat Pelajar.
- Hari Jadi Saya*. (1999) Siri Anak Lebah. Johor Bahm: Penerbitan Pelangi.
- Di rumah Nenek*. (1999) Siri Anak Lebah. Johor Bahm: Penerbitan Pelangi.
- Adik Saya*. (1999). Siri Anak Lebah. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.
- Apa yang Boleh Saya Lihat?* (1995) Halimah Badioze Zaman, Siri Bacaan Awal (BAWAL). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azalan Husin, (1997) *Kasut Belang Hilang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bermain di Taman* (1998) Siri Pembaca Awal. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.
- Apa Saya Hendak Buat?* (1998) Siri Pembaca Awal. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.
- Warna di Sekeliling Kita* (1998) Siri Pembaca Awal. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.
- Nooraihan Dato' Salleh Halimah Badioze Zaman (1995) *Bersenam*. Siri Bacaan Awal (BAWAL). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibu Arnab Jatuh Sakit*. (1999) Siri Bintang Ria. Selangor: Penerbitan Daya Sdn. Bhd.
- Anak Kucing yang Kotor* (1999) Siri Bintang Ria. Selangor: Penerbitan Daya Sdn. Bhd.
- Asma Dewi Shaari (2004) *Jamuan Mesra*. Siri Bacaan Genius. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kancil Menipu Buaya* (2000). Kuala Lumpur: Rhythm Publishing Co.
- Api! Api!* (1994) Siri Rakan Rimba, Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.
- Anak Itik yang Hodoh'* dan *'Alladdin dan Lampu Ajaib'*. Kuala Lumpur: Mines Publication and Distributors.
- Cantiknya Rama-rama*, Siri Helo Haiwan. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.
- Anak Cicak Hilang Ekor*. Siri Helo Haiwan. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.
- Tempua Bersarang Rendah*. Siri Asal Usul Binatang. Kualiti Book Sdn. Bhd.
- Ular Tidak Berkaki*. Siri Asal Usul Binatang. Kualiti Book Sdn. Bhd.
- Gajah Bermata Kecil*. Siri Asal Usul Binatang. Kualiti Book Sdn. Bhd.
- Maafkan Saya Kakak*. Siri Moral Kanak-kanak. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mari Berdamai* (2004) Siri Moral Kanak-kanak. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Air* (2000) Siri Saintis Muda. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Parti Ani* (1997) Siri Anak Beruang Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Hanisah Md Idris (2004) *Pantun Nilai Murni*. Siri Bacaan Genius. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Chan Sok Yin. *Niki Cari Ibu* (2000). Siri Kecil Kenali Alam Haiwan. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Nabi Ayub a.s. dan Keikhlasan dalam Beribadat* (2005) Siri Kisab Nabi Dari Al-Quran: Pustaka Cahaya Intelek.
- Noreen Mahzati Ahmad Mahdzan (2004) *Amir Molar dan Keluarga*. Siri Gigi Sihat. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

- Rabiah Ahmad (1999) *Didi dan Cici Dikejar Nombor*. Siri Cerita Matematik. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Aminah Harun (ptjh). (1996) *Manusia di Mana-mana*. Siri Pelangi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teka-Teki Pemetong Kayu* (1995) Siri Cerita Popular. Petaling Jaya: Penerbitan Fargoes Sdn. Bhd.
- Ahmad Ismail (2002). *Ikan Air Tawar*. Siri Haiwan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rabiah Ahmad (1999) *Didi dan Cici Tangkap Nombor*. Siri Cerita Matematik. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Noreen Mahzati Ahmad Mahdzan (2004) *Gigi Arnab Ani*. Siri Gigi Sihat. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Abdul Ghani Abdul Hamid & Hanisah Mdidris (2004) *Maaf, Lili*. Siri Bacaan Genius. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Hanisah Md Idris (2004) *Lili Lupa*. Siri Bacaan Genius. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.